

19/05/1997

Kekalahan di Teluk Intan tidak jejas kedudukan BN

KUALA SELANGOR, Ahad - Kekalahan calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Parlimen Teluk Intan semalam tidak akan menjejaskan kedudukan parti itu dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang dan Parlimen Kuala Selangor yang akan diadakan pada 29 Mei ini, kata Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusof Noor.

Beliau berkata, suasana di Selangor, Negeri Sembilan (Repah) dan Melaka (Melekek) amat berbeza sama sekali dengan di Teluk Intan kerana ketiga-tiganya adalah negeri yang mempunyai latar belakang lebih menyakinkan.

"Kedudukan BN di Kuala Selangor berlainan sama sekali dengan Teluk Intan kerana calon yang akan bertanding dipilih sendiri oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas dasar pengalamannya yang luas.

"Selangor bertuah kerana mendapat Menteri Besar yang berpengalaman dalam Kabinet dan rakyat mempunyai keyakinan penuh terhadap keupayaannya menerajui kepemimpinan negeri," katanya kepada pemberita selepas mengikuti taklimat jentera pilihan raya di Bangunan Umno Kuala Selangor, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kekalahan calon BN, Dr Chee See Choke yang gagal dalam pertandingan satu lawan satu dengan calon DAP, M Kulasegaran yang menang dengan majoriti 2,916 undi.

Dr Chee yang juga Naib Presiden Gerakan Perak memperolehi 12,091 undi manakala Kulasegaran, Bendahari DAP Perak mendapat 15,007 undi. Sebanyak 541 undi rosak.

Beliau berkata, Selangor mempunyai sejarah pilihan raya yang kuat dan menyakinkan serta terbukti hebat setiap kali menghadapi pilihan raya umum dan pilihan raya kecil.

Malah, katanya, dalam kajian Penerangan Umno terhadap peratus pengundi di seluruh negara mendapati peratusan pengundi di Selangor paling meningkat.

"Dalam pilihan raya umum 1990 dan 1995 yang lalu, Selangor antara negeri yang paling tinggi mencapai peningkatan peratusan pengundi.

"Berikutan itu, kita tidak boleh membandingkan Teluk Intan dengan Kuala Selangor yang saya yakin mempunyai banyak kelebihan untuk memenangi pilihan raya kecil DUN Permatang dan Parlimen Kuala Selangor," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan ada halangan informasi sehingga menyebabkan maklumat yang tepat tidak sampai ke peringkat bawahan, Dr Yusof berkata, tugas jentera penerangan adalah untuk menyebarkan maklumat dari peringkat pimpinan hingga bawahan.

"Memang penerangan Umno mementingkan maklumat dan akan menyalurkan kepada semua bagi mengelakkan apa yang diketahui peringkat atasan tidak diketahui di peringkat bawahan.

"Kita sentiasa berusaha menyalurkan maklumat negara dengan baik. Walaupun buat masa ini masih belum berlaku halangan informasi yang ketara, namun kita perlu pastikan supaya perkara ini jangan berlaku," katanya.

Katanya, langkah jentera penerangan ialah untuk memastikan maklumat daripada pimpinan sampai kepada pengundi supaya rakyat tidak hilang keyakinan kepada pemerintah.

Sehubungan itu, katanya, Umno mengatur beberapa sistem dan pendekatan yang bukan hanya melalui ceramah saja agar maklumat dapat disampaikan kepada semua peringkat.

"Kita menggunakan pelbagai pendekatan dan rangkaian agar maklumat yang tepat dapat disalurkan dan saya yakin apa yang dibuat Umno akan dicontohi

parti komponen BN lain," katanya.
(END)